KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

SIARAN MEDIA

35 PENERIMA ANUGERAH KKP NEGARA 2025 DIIKTIRAF, PERKUKUH BUDAYA KERJA SELAMAT DAN SIHAT

KUALA LUMPUR, 29 OKTOBER 2026 – Seramai 35 penerima dinobatkan sebagai penerima Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) Negara 2025 pada majlis yang berlangsung di Hotel Royale Chulan Kuala Lumpur, malam ini.

Majlis anjuran bersama Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP) dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Malaysia itu merupakan pengiktirafan di peringkat kebangsaan kepada individu dan organisasi yang menunjukkan komitmen serta pencapaian cemerlang dalam pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di tempat kerja.

Majlis perasmian disempurnakan oleh YB Datuk Khairul Firdaus bin Akbar Khan, Timbalan Menteri Sumber Manusia, yang menegaskan kepentingan menjadikan KKP sebagai sebahagian daripada budaya kerja dan pelaburan strategik bagi membina tenaga kerja yang sihat, produktif serta berdaya tahan.

Bagi edisi tahun ini, sebanyak 346 penyertaan dari seluruh Malaysia telah melalui proses penilaian yang dilaksanakan oleh panel penilai dan juruaudit JKKP yang berpengalaman serta kompeten. Pencapaian para penerima mencerminkan kepentingan kepimpinan, penglibatan aktif pihak pengurusan dan pekerja, pematuhan perundangan serta usaha berterusan dalam mengenal pasti dan mengawal risiko di tempat kerja.

Kerajaan terus komited memperkukuh sistem KKP negara melalui Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2026–2030 (OSHMP30) yang membawa tema *“Membina Persekitaran KKP yang*

Berdaya Tahan dan Inklusif untuk Tenaga Kerja Masa Hadapan", dengan penekanan kepada kelestarian dan daya tahan.

OSHMP30 memberi tumpuan kepada pengukuhan tadbir urus KKP, peningkatan kesihatan dan kesejahteraan pekerjaan, pendigitalan, perlindungan perusahaan mikro, kecil dan sederhana serta sektor berisiko tinggi. Pelan ini turut mengambil kira perubahan teknologi, pekerjaan gig dan hibrid, perubahan iklim serta risiko pekerjaan yang semakin kompleks.

Pelaksanaan pelan ini memerlukan kerjasama berterusan semua pihak, khususnya kerajaan, majikan, pekerja, persatuan majikan, kesatuan sekerja, institusi akademik dan pemain industri. Tanggungjawab mewujudkan tempat kerja yang selamat dan sihat bukan hanya terletak pada pihak pengurusan, malah memerlukan penyertaan aktif seluruh warga kerja.

Penganjuran Anugerah KKP Negara turut mencerminkan komitmen Malaysia terhadap *Promotional Framework for Occupational Safety and Health Convention, 2006 (No. 187)* atau C187, yang menekankan pembangunan budaya pencegahan KKP secara sistematik dan berterusan.

JKKP merakamkan tahniah kepada semua penerima Anugerah KKP Negara 2025 dan berharap pengiktirafan ini dapat menjadi pemangkin kepada lebih banyak organisasi untuk memperkukuh sistem pengurusan KKP masing-masing serta menjadikan amalan terbaik sebagai rujukan dalam meningkatkan standard keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Usaha memperkukuh budaya KKP memerlukan komitmen bersama dan tindakan berterusan. Melalui kerjasama semua pihak, aspirasi untuk membina persekitaran kerja yang lebih selamat dan sihat serta tenaga kerja Malaysia yang berdaya tahan dapat direalisasikan.

###

Dikeluarkan oleh:
Pejabat Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia
29 Oktober 2026